



**MAJLIS DAERAH JERANTUT**

Sebutharga adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal atau akauntan-akauntan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan serta ahli berdaftar dengan MIA untuk menyertai sebutharga yang dinyatakan di bawah:

BIL	NO SEBUTHARGA & TAJUK BEKALAN	KEPALA/SUB KEPALA	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
1	(MDJ/KEW/SH/01/2021) PERKHIDMATAN PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021	Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Kod Bidang 221803 (Penyediaan Akaun)  Berdaftar sebagai ahli MIA (Malaysian Institute of Accountants)	26.11. 2021 12.00 T/hari

2 Jadual kadar harga seperti di **LAMPIRAN A** berkembar.

3 Syarikat adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertakan perkara di bawah ini:

- i) Salinan Sijil Kementerian Kewangan
- ii) Salinan Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputra
- iii) Salinan Sijil Ahli Malaysian Institute Of Accountants
- iv) Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan **Kod Bidang 221803 (Penyediaan Akaun)**
- v) Profil Syarikat

4 Skop kerja adalah menyambung tugas perakaunan menggunakan perisian MYOB. Pihak Majlis telah siap memasukkan data belanja dan hasil tahun 2021 seterusnya selesai Penyesuaian Bank (bank reconciliation). Tarikh jangkaan dokumen-dokumen kewangan seperti bayaran bagi Akaun Kena Bayar 2021, Senarai Aset-Aset Baru, Senarai Kakitangan Yang Mendapat Gantian Cuti Rehat(GCR), Cukai Taksiran, Sewaan, Salinan Projek-projek, Senarai Pendeposit ini siap sepenuhnya pada 15 Februari, 2022. Tugasan menyambung menyiapkan Penyata Kewangan hendaklah:

4.1 mengikuti piawaian MPSAS (Malaysia Public Sector Accounting Standard).

- 4.2 mengkelas, menyemak, mengenalpasti, mengesah, merekod dan menganalisa dokumen-dokumen kewangan.
- 4.3 Menyiapkan Daftar Aset dan Susutnilai Aset Majlis Daerah Jerantut Bagi Tahun 2021.
- 4.4 Membuat pelarasan dan pembetulan berkenaan teguran audit tahun lepas.
- 4.5 Memberi tunjuk ajar penggunaan perisian MYOB (sistem perakaunan MDJ) serta pendedahan secara langsung kepada pegawai yang terlibat secara langsung dengan penyediaan penyata kewangan ini.
- 4.6 Menyediakan Fail Akaun sebanyak 2 set untuk tujuan Pengauditan dan Rekod.
- 4.6 Hendaklah hadir semasa menjawab surat pengurusan dari Jabatan Audit Negara, hadir ketika pembentangan Penyata Kewangan 2021 di dalam Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Daerah Jerantut , dan hadir ketika *Exit Conference* dengan Jabatan Audit Negara.
- 4.7 Menyiapkan penyata kewangan lengkap untuk diaudit mengikut piawaian MPSAS pada 15 April 2022.

5 Borang sebutharga ini boleh diperolehi di Jabatan Perbendaharaan, Majlis Daerah Jerantut secara percuma sahaja dan melalui laman sesawang Majlis Daerah Jerantut.

6 Tarikh tutup sebutharga adalah pada **26.11.2021**. Pihak tuan adalah diminta untuk menulis nombor siri sebutharga iaitu **MDJ/KEW/SH/01/2021** di sudut kiri sampul surat dan tawaran sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dihantar untuk dimasukkan ke Peti Sebutharga (Tingkat Atas Bangunan Majlis Daerah Jerantut) ke alamat **berikut sebelum jam 12.00 tengahari pada 26.11.2021**;

**Pejabat Majlis Daerah Jerantut  
27000, Jerantut,  
Pahang**

7. Kerjasama dari pihak tuan kami ucapkan terima kasih

**“MESRA-CEPAT-TELUS”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD KHASRI BIN ABDULLAH)**  
Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa  
b.p Yang Dipertua  
Majlis Daerah Jerantut  
**Tarikh Iklan: 15.11.2021**

## LAMPIRAN A

**RINGKASAN SEBUTHARGA  
MAJLIS DAERAH JERANTUT  
(MDJ/KEW/SH/01/2021)**

**PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR, 2021  
UNTUK KEGUNAAN MAJLIS DAERAH JERANTUT**

**Tarikh Tutup: 26.11.2021**

**Jam Tutup : 12.00 tengahari**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>HARGA RM</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>1</b>	<b>Perkhidmatan Menyediakan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir, 2021 (Siap sebelum 15 April, 2022)  Untuk Kegunaan Majlis Daerah Jerantut</b>	<b>Lump sum</b>		
			<b>JUMLAH</b>	

Ringgit Malaysia : \_\_\_\_\_

Tempoh Siap kerja: \_\_\_\_\_ Minggu

Bertarikh Pada : \_\_\_\_\_

**Pengakuan:**

Dengan ini saya akui bahawa saya/wakil saya telah berpuashati serta mengaku tidak akan membuat sebarang tuntutan terhadap kerajaan bersabit dengan perbekalan di atas.

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pembekal)

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh: \_\_\_\_\_

Nama Penuh: \_\_\_\_\_

No. KP: \_\_\_\_\_

No. KP: \_\_\_\_\_

NAMA SYARIKAT/ALAMAT:  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

ALAMAT:  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Jawatan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_